



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**APLIKASI TERAPI SENI DALAM PENEROKAAN ASPEK
PSIKOSOSIAL KANAK-KANAK PEREMPUAN MANGSA
PERCERAIAN IBU BAPA DALAM KAUNSELING KELOMPOK**

Nurin Jazima binti Azhari

**Ijazah Sarjana Muda Kaunseling
(Kepujian)
2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

A

Please tick one

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 15 day of MAY year 2019.

Student's Declaration:

I, NURIN JAZIMA BINTI AZHARI, FACULTY OF COGNITIVE SCIENCES AND HUMAN DEVELOPMENT, hereby declare that the work entitled, APLIKASI TERAPI SENI DALAM PENEROKAAN ASPEK PSIKOSOSIAL KANAK-KANAK PEREMPUAN MANGSA PERCERAIAN IBU BAPA DALAM KAUNSELING KELOMPOK is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources with the exception where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part of the work been written for me by another person.

15 MAY 2019




NURIN JAZIMA BINTI AZHARI (59047)

Supervisor's Declaration:

I, DR MERIKAN BIN AREN hereby certify that the work entitled, APLIKASI TERAPI SENI DALAM PENEROKAAN ASPEK PSIKOSOSIAL KANAK-KANAK PEREMPUAN MANGSA PERCERAIAN IBU BAPA DALAM KAUNSELING KELOMPOK was prepared by the aforementioned or above mentioned student, and was submitted to the "FACULTY" as a *partial/full fulfilment for the conferment of BACHELOR OF COUNSELLING (HONOURS), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work

Received for examination by: _____

(DR MERIKAN BIN AREN)



15 MAY 2019

Date: _____

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

I declare this Project/ Thesis is to be submitted to the Centre for Academic Information Services (CAIS) and uploaded into UNIMAS Repository (UNIMAS IR) (Please tick (√)):

- YES**
- NO**

Validation of Project/Thesis

I hereby duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic and research purposes only and not for other purposes.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitize the content to be uploaded into Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis if required for use by other parties for academic purposes or by other Higher Learning Institutes.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself / herself neither a third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student himself/herself without first obtaining approval from UNIMAS.

Student's signature: _____

Date: 15 MAY 2019

Supervisor's signature: _____

Date: 15 MAY 2019

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the date of restriction indicated, and the reasons for the confidentiality and restriction.

**APLIKASI TERAPI SENI DALAM PENEROKAAN ASPEK PSIKOSOSIAL
KANAK-KANAK PEREMPUAN MANGSA PERCERAIAN IBU BAPA
DALAM KAUNSELING KELOMPOK**


NURIN JAZIMA BINTI AZHARI

Projek ini dikemukakan sebagai
syarat memenuhi sebahagian syarat
Ijazah Sarjana Muda Kaunseling
(Kepujian)

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
(2019)

Projek bertajuk 'Aplikasi Terapi Seni Dalam Penerokaan Aspek Psikososial Kanak-Kanak Perempuan Mangsa Perceraian Ibu Bapa Dalam Kaunseling Kelompok' telah disediakan oleh Nurin Jazima binti Azhari dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (Kepujian)

Diterima untuk diperiksa oleh:



(Dr Merikan bin Aren)

Tarikh:

15 Mei 2019

Gred
A

PENGHARGAAN

“Sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan”

(Surah al-Insyirah: 6)

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan restuNya, dapatlah saya menyiapkan kajian ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Merikan bin Aren, selaku penyelia saya di atas masa, kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan selama saya menjalankan kajian ini. Tidak dilupakan kepada penilai pembentangan kajian saya, Encik Mohamad Azhari bin Abu Bakar atas komen dan nasihat membina yang dikongsikan. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Pn Helen anak Thomas kerana telah banyak membantu saya.

Ucapan terima kasih yang tiada penghujungnya saya tujukan kepada bonda tercinta, Rozita binti Gama yang tidak pernah putus mendoakan dan memberi sokongan setiap kali saya hampir berputus asa. Segala nasihat dan kata-kata semangat yang dituturkan adalah sumber kekuatan saya untuk berjuang. Seterusnya, kepada Nur Syahmi bin Nor'aini, terima kasih kerana telah menyumbangkan masa untuk membantu saya dalam menyempurnakan kajian ini.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, Ainaa Izzati binti Rosley, Noorsilah binti Said, Nurshawati binti Samsol, Norshahira binti Abu Bakar dan Hilda anak Lampung, terima kasih di atas tunjuk ajar, sokongan, toleransi dan bantuan sehingga kajian ini dapat disempurnakan dengan baik. Sesungguhnya, jasa kalian tidak mungkin dapat saya lupakan.

Akhir kata, terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian ini. Semoga kajian ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk kajian-kajian yang akan datang.

JADUAL KANDUNGAN

JADUAL KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	vi
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI SINGKATAN.....	viii
ABSTRAK.....	ix
<i>ABSTRACT</i>	x
BAB I: PENDAHULUAN.....	1
LATAR BELAKANG KAJIAN.....	1
PERNYATAAN MASALAH.....	3
OBJEKTIF KAJIAN.....	4
PERSOALAN KAJIAN.....	4
KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN.....	5
KERANGKA TEORETIKAL KAJIAN.....	6
KEPENTINGAN KAJIAN.....	7
DEFINISI ISTILAH.....	8
LIMITASI KAJIAN.....	10
RUMUSAN.....	11
BAB 2: KAJIAN LITERATUR.....	12
PENDAHULUAN.....	12
TEORI PERKEMBANGAN PSIKOSOSIAL ERIK ERIKSON	12
TERAPI SENI DALAM PERKIDMATAN KAUNSELING	14
KAJIAN- KAJIAN LEPAS	14
RUMUSAN.....	16
BAB 3: METODOLOGI.....	18
PENGENALAN.....	18
REKA BENTUK KAJIAN	18
POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN.....	18
INSTRUMEN KAJIAN.....	19
PROSEDUR PENGUMPULAN DATA.....	19

TEKNIK PENGANALISISAN DATA	21
RUMUSAN.....	21
BAB 4: ANALISIS DATA.....	22
PENDAHULUAN.....	22
LATAR BELAKANG RESPONDEN.....	22
HASIL DAPATAN KAJIAN	24
RUMUSAN.....	33
BAB 5: PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN, DAN RUMUSAN.....	34
PENDAHULUAN.....	34
PERBINCANGAN.....	34
IMPLIKASI.....	39
CADANGAN	40
RUMUSAN.....	41
RUJUKAN.....	42

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	
Ringkasan Sesi Kaunseling Kelompok.....	19
Jadual 4.1	
Maklumat Diri Responden.....	21
Jadual 4.2	
Maklumat Penjaga Responden.....	22
Jadual 4.3	
Konsep Kendiri Positif Klien.....	24
Jadual 4.4	
Konsep Kendiri Negatif Klien.....	25
Jadual 4.5	
Konsep Kendiri Tidak Jelas Klien.....	26
Jadual 4.6	
Sistem Sokongan Sosial Keluarga Nuklear.....	29
Jadual 4.7	
Sistem Sokongan Sosial Keluarga Lanjutan.....	29
Jadual 4.8	
Sistem Sokongan Sosial Keluarga Rakan.....	30
Jadual 4.9	
Keyakinan Diri Responden Dalam Aspek Akademik dan Sosial.....	32

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian..... 5

Rajah 1.2

Kerangka Teoretikal Kajian..... 6

SENARAI SINGKATAN

R1	Responden 1
R2	Responden 2
R3	Responden 3
R4	Responden 4
R5	Responden 5
R6	Responden 6

ABSTRAK

APLIKASI TERAPI SENI DALAM PENEROKAAN ASPEK PSIKOSOSIAL KANAK-KANAK PEREMPUAN MANGSA PERCERAIAN IBU BAPA DALAM KAUNSELING KELOMPOK

Nurin Jazima binti Azhari

Kajian ini dijalankan untuk meneroka aspek psikososial kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa melalui (1) konsep sendiri, (2) sistem sokongan sosial dan (3) keyakinan diri kanak-kanak tersebut melalui pendekatan terapi seni. Kajian ni menggunakan kaedah kualitatif dan reka bentuk kajian ini adalah kajian kes dengan menggunakan kaedah temu bual melalui Sesi Kaunseling Kelompok Berstruktur. Kaedah persampelan bertujuan digunakan untuk mendapatkan (6) enam orang kanak-kanak perempuan yang ibu bapa mereka sudah bercerai, berumur 12 tahun dan bersekolah di sebuah sekolah rendah di Kuching, Sarawak. Tiga jenis lukisan digunakan untuk menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Hasil kajian secara keseluruhan mendapati kanak-kanak yang mempunyai konsep sendiri yang positif dan menerima sokongan sosial yang mencukupi akan berasa yakin untuk menghadapi peringkat kehidupan mereka yang seterusnya dengan baik. Kajian ini perlu diperluaskan pada masa akan datang agar kaunselor, ibu bapa, guru dan masyarakat mendapat pengetahuan yang lebih mendalam mengenai isu ini.

Kata Kunci: Aspek Psikososial Kanak-kanak, Perceraian Ibu Bapa, Kaedah Kualitatif, Terapi Seni, Konsep Kendiri, Sistem Sokongan Sosial, Keyakinan Diri

ABSTRACT

ART THERAPY APPLICATION ON EXPLORING PSYCHOSOCIAL ASPECT OF YOUNG GIRL WITH PARENTAL DIVORCE THROUGH GROUP COUNSELLING

Nurin Jazima binti Azhari

This study was conducted to explore the psychosocial aspects of children with parental divorce on (1) self-concept, (2) social support system and (3) children's self-confidence through the art therapy approach. This study uses qualitative method and the design of this study is a case study using interview method through Structured Group Counseling Session. The sampling method was aimed to obtain (6) six girls whose parents were divorced, 12 years old and attending an elementary school in Kuching, Sarawak. Three types of drawings were used to answer the research questions. Overall, this study found that children with positive self-concept and adequate social support will feel confident in facing the next stage of their lives. This study needs to be expanded in the future so that counselors, parents, teachers and the public can gain a better understanding on this issue.

Keywords: *Children's Psychosocial Aspects, Parental Divorce, Qualitative Methods, Art Therapy, Self-Concepts, Social Support Systems, Self-Confidence*

BAB I

PENDAHULUAN

PENGENALAN

Kanak-kanak memerlukan sistem kekeluargaan yang baik untuk menjamin perkembangan diri yang positif. Perkembangan diri kanak-kanak terdiri daripada perkembangan kognitif, psikososial, fizikal dan emosi. Kanak-kanak yang menjadi mangsa perceraian ibu bapa akan cenderung menerima gangguan terhadap perkembangan diri mereka dan boleh menyebabkan mereka menghadapi tekanan hidup.

Bagi memahami dengan lebih mendalam berkenaan perkembangan diri kanak-kanak tersebut, pengkaji telah menjalankan sebuah kajian untuk meneroka aspek psikososial kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa melalui aplikasi terapi seni dalam kaunseling kelompok. Aspek psikososial yang menjadi pilihan pengkaji ialah konsep sendiri, sistem sokongan sosial dan keyakinan diri kanak-kanak tersebut.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Statistik perkahwinan dan perceraian Malaysia, menunjukkan bilangan perceraian menurun 3.2 peratus daripada 51,642 (2016) kepada 49,965 (2017). Walau

bagaimanapun, kadar perceraian kasar (CDR) kekal pada 1.6 bagi setiap 1,000 penduduk (Jabatan Perangka Malaysia, 2018). Dapatan ini menunjukkan bahawa ramai kanak-kanak sedang menjadi mangsa perceraian ibu bapa. Menurut Siti Halimah (2010), perceraian merupakan pengalaman yang menyeksakan yang perlu dihadapi oleh ibu bapa dan kanak-kanak.

Pelbagai kajian lepas membuktikan kanak-kanak daripada keluarga yang sudah bercerai menerima kesan yang negatif dalam hidup mereka berbanding dengan kanak-kanak yang keluarganya masih bersama. Hal ini merangkumi kesan terhadap emosi, psikososial dan kognitif kanak-kanak. Kesan-kesan tersebut akan membuatkan kanak-kanak mengalami stres yang boleh mengganggu perkembangan diri mereka.

Sebuah kajian yang dilakukan oleh Smart (2006), menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak menganggap perceraian sebagai sesuatu yang menghancurkan kehidupan mereka, namun kegagalan ibu bapa untuk berpisah dengan cara yang baik sebenarnya yang menyebabkan mereka berasa begitu. Kanak-kanak berasa keliru tentang apa yang sedang berlaku dalam hidup mereka namun ibu bapa mereka tidak menerangkannya dengan jelas. Oleh sebab itu, mereka menganggap bahawa ibu bapa mereka tidak lagi menyayangi mereka dan bertindak meninggalkan mereka (Dunn et al., 2001). Terdapat juga kemungkinan yang menyatakan kanak-kanak akan cenderung untuk menyalahkan diri mereka atas perpisahan ibu bapa mereka dan membawa kepada penyeksaaan menanggung konflik (Fosco & Grych, 2007). Perkara ini merupakan antara punca pembentukan konsep sendiri kanak-kanak terjejas.

Pembentukan konsep sendiri yang tidak sempurna atau negatif dapat diatasi dengan melakukan pelbagai intervensi. Antara intervensi yang sesuai untuk dijalankan kepada kanak-kanak ialah terapi seni (Antonowicz & Ross, 1994). Terapi seni dapat digunakan

untuk mendorong kanak-kanak meluahkan perasaan mereka dan memudahkan proses penerokaan masalah. Terapi seni yang digunakan oleh pengkaji bagi kajian ini ialah terapi seni ekspresif melalui seni lukisan.

PERNYATAAN MASALAH

Semasa perceraian terjadi, perkembangan diri kanak-kanak tidak berjalan dengan baik. Hal ini akan menjejaskan konsep sendiri kanak-kanak yang sedang berkembang. Mereka akan cenderung untuk menerima stres dan akan mempengaruhi proses penyesuaian diri mereka. Sebagai contoh, selepas perceraian berlaku, kanak-kanak akan berpisah dengan salah seorang ibu bapanya. Berkemungkinan mereka akan berjauhan dengan adik-beradiknya dan pada masa yang sama, mereka juga mempunyai kemungkinan untuk berpindah sekolah. Perkara ini berlaku dengan pantas dan mereka perlu menyesuaikan diri mereka dengan situasi kehidupan yang sangat berbeza dengan yang sebelumnya.

Kajian yang dijalankan oleh Suaidi (1994), menunjukkan bahawa perceraian ibu bapa menjejaskan konsep sendiri kanak-kanak. Mereka akan cenderung berasa tidak selamat, marah, sunyi, sedih dan menyalahkan diri sendiri sebagai punca ibu bapa mereka bercerai. Perspektif Teori Perkembangan Psikososial oleh Erik Erikson melihat kompetensi diri kanak-kanak akan memberi kesan terhadap pembentukan konsep sendiri mereka. Jadi, pengkaji berpegang dengan teori tersebut dalam meneroka aspek psikososial kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa melalui aplikasi terapi seni dalam kaunseling kelompok.

OBJEKTIF KAJIAN

- a) Meneroka konsep sendiri kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa melalui terapi seni.
- b) Mengenalpasti sistem sokongan sosial utama terhadap pembentukan keyakinan diri kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa.
- c) Mengenalpasti keyakinan diri kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa untuk menghadapi masa hadapan mereka.

PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dinyatakan untuk mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian ini. Beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti iaitu: -

- a) Apakah konsep sendiri kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa yang dapat diteroka melalui terapi seni?
- b) Siapakah yang menjadi sistem sokongan sosial utama terhadap pembentukan keyakinan diri kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa?
- c) Apakah keyakinan diri kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa untuk menghadapi masa hadapan mereka?


KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 1.1: Kerangka konseptual kajian

Rajah di atas menunjukkan kerangka konseptual kajian yang menggunakan aplikasi terapi seni dalam meneroka aspek psikososial responden. Terdapat tiga lukisan yang digunakan untuk menjawab persoalan dan objektif kajian.

KERANGKA TEORETIKAL KAJIAN



Rajah 1.2: Kerangka teoretikal kajian

Rajah di atas menunjukkan kerangka teoretikal yang diaplikasikan oleh pengkaji. Pengkaji meneroka aspek psikososial kanak-kanak mangsa perceraian dengan melihat konsep sendiri responden, sokongan sosial dan keyakinan diri responden.

Teori ini menerangkan bahawa kanak-kanak yang berumur 6-12 tahun sedang menghadapi konflik hidup iaitu *industry vs inferiority*. Seharusnya pada peringkat ini, kanak-kanak perlu membentuk konsep sendiri yang positif dengan berasa kompeten dan berbangga dengan setiap kemampuan diri mereka.

Pada masa yang sama, sokongan sosial daripada ibu bapa dan individu yang signifikan dengan kanak-kanak boleh membina keyakinan diri mereka. Contoh sokongan sosial yang membantu dalam perkembangan psikososial kanak-kanak ialah ganjaran dan

maklum balas yang positif. Keyakinan diri kanak-kanak seterusnya akan membantu dalam pembentukan konsep sendiri yang positif. Sebaliknya, kanak-kanak yang tidak mendapat sokongan sosial yang mencukupi akan membentuk konsep sendiri yang negatif dan membuat mereka berasa gagal dalam hidup.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kanak-kanak

Kajian ini membantu kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa untuk meluahkan perasaan mereka yang telah lama terpendam dan berkongsi pengalaman. Oleh kerana kajian ini menggunakan pendekatan kaunseling kelompok, kanak-kanak akan menyedari bahawa mereka tidak berseorangan dalam menghadapi masalah ini.

Kaunselor/ Pegawai Psikologi

Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada kaunselor dan pegawai psikologi tentang aplikasi terapi seni dalam meneroka psikososial kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa. Oleh hal yang demikian, kaunselor dan pegawai psikologi akan mendapat gambaran tentang cara mengendalikan kajian dan sesi kaunseling terhadap golongan tersebut.

Ibu bapa

Kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada ibu bapa mengenai impak perceraian terhadap psikososial kanak-kanak. Oleh yang demikian, ibu bapa akan lebih prihatin dan peka akan tanggungjawab mereka walaupun sudah bercerai dan tidak lagi hidup bersama.

DEFINISI ISTILAH

Psikososial

Konseptual

Psikososial adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan hubungan antara kondisi sosial seseorang dengan kesihatan mental ataupun emosinya (Chaplin, 2011).

Operasional

Aspek psikososial yang dilihat dalam kajian ini ialah konsep sendiri, sistem sokongan sosial dan keyakinan diri responden iaitu kanak-kanak mangsa perceraian ibu bapa di SK Semenggok.

Bagi konsep sendiri, pengkaji mahu melihat bagaimana responden melihat dan memberi tanggapan terhadap diri mereka. Seterusnya, sistem sokongan sosial merupakan individu terpenting dalam hidup responden kerana sokongan daripada individu tersebut mampu memberi impak positif terhadap keyakinan diri responden. Akhir sekali, keyakinan diri responden tertumpu kepada sejauh mana keyakinan diri mereka terhadap perancangan masa hadapan.

Kanak-Kanak

Konseptual

Kanak-kanak didefinisikan sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun (Akta kanak-kanak, 2001).

Operasional

Kanak-kanak yang menjadi responden pengkaji ialah kanak-kanak perempuan mangsa perceraian ibu bapa yang berumur 12 tahun.

Perceraian Ibu Bapa

Konseptual

Menurut Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (2017), perceraian ialah perihal (kejadian) bercerai (antara suami isteri). Perceraian bermaksud menamatkan hubungan perkahwinan sama ada dengan pilihan suami atau dengan keputusan qadi. Perceraian dari segi bahasa bermaksud berpisah. Dari segi istilah pula bermaksud keruntuhan hubungan perkahwinan dan terputusnya hubungan suami isteri dengan bersebab.

Operasional

Ibu bapa yang telah bercerai lebih daripada dua tahun.

Terapi Seni

Konseptual

American Art Therapy Association (2010), mentakrifkan terapi seni sebagai satu profesion kesihatan mental yang menggunakan proses kreatif dalam lukisan untuk menambah baik dan menyempurnakan fizikal, mental dan emosi individu dibawah semua peringkat umur.

Operasional

Terapi seni yang digunakan dalam kajian ini ialah seni lukisan. Terdapat tiga jenis seni lukisan yang digunakan, iaitu lukisan bebas, lukisan Dunia Kualiti Saya (*My Quality World*) dan lukisan Tiga Tahun Lagi.

LIMITASI KAJIAN

Dapatan kajian ini berdasarkan enam orang kanak-kanak perempuan yang merupakan pelajar sebuah sekolah rendah di Kuching, Sarawak. Oleh itu, kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada responden yang lain.

Selain itu, kajian ini mempunyai limitasi berkenaan prosedur mendapatkan responden. Hal ini kerana pengkaji perlu melalui beberapa lapisan organisasi untuk mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian iaitu pihak sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Akhir sekali, kajian ini mempunyai limitasi terhadap masa yang diperuntukkan untuk menjalankan kajian.

RUMUSAN

Kesimpulannya, setiap aspek yang terkandung dalam bab satu ini berperan untuk memberi gambaran awal terhadap keseluruhan kajian.